

Nafi lindung premis haram

Timbalan pengarah dan anggota penguat kuasa DBKL didakwa minta suapan bulanan

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Timbalan pengarah dan anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas dakwaan meminta dan menerima suapan bagi melindungi pusat hiburan tanpa lesen di ibu negara.

Tertuduh Muhamad Irwan Abdullah, 44, dan Zahari Muhammad, 34, masing-masing berdepan tiga serta dua pertuduhan mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Mengikuti pertuduhan pertama, mereka didakwa bersama secara rasuah meminta suapan wang tunai berjumlah RM200,000 secara bulanan sebagai dorongan tidak mengambil tindakan undang-undang penguatkuasaan ke atas pusat hiburan tanpa lesen sah di bawah jagaan Chan Sai Loke.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah restoran di Puchong, Selangor sekitar Februari lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000



MUHAMAD Irwan (kiri) dan Zahari tiba di Mahkamah Sesyen, Shah Alam.

yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa mengikut akta sama kerana secara rasuah bersetuju menerima suapan wang tunai berjumlah RM160,000 secara bulanan daripada penjaga berusia 62 tahun itu di lokasi dan masa sama.

Muhamad Irwan turut berdepan satu lagi pertuduhan iaitu menerima suapan RM130,000 daripada individu sama di parkir restoran itu, kira-kira jam 9 malam pada 5 Jun lalu.

Justeru, tertuduh didakwa mengikut akta sama



yang membawa hukuman sama jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Aliff Shaha-ruzaman memohon jaminan RM50,000 kepada setiap tertuduh dengan tiga syarat tambahan iaitu lapor diri di pejabat SPRM setiap bulan, pasport diserahkan kepada mahkamah dan tidak mengang-gu saksi pendakwaan.

Peguam Mak Ahh Keong yang mewakili Muhamad Irwan merayu jumlah jaminan dikurangkan kerana anak guamnya yang berpendapatan kira-kira RM9,000 sebulan akan di-

gantung tugas, dan perlu menanggung isteri dan lima anak yang memerlukan perbelanjaan harian besar.

Manakala peguam Ahmad Faiz Munawar yang mewakili Zahari merayu pengurangan jumlah jaminan dengan alasan anak guamnya bukan hanya menanggung isteri dan anak, tetapi ibu yang sudah uzur di Pahang.

Mahkamah membenarkan kedua-dua tertuduh dijamin RM15,000 setiap seorang bagi kesemua pertuduhan serta membenarkan tiga syarat tambahan itu.

Sebutan semula kes berkenaan ditetapkan pada 30 September depan.

Harian Metro pada 22 Jun lalu menerusi laporan eksklusif bertajuk 'Hanyir Lubuk Dosa' mendedahkan kegiatan pelacuran tertua sekitar Pudu, Kuala Lumpur termasuk pelacur mencari pelanggan di medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong sebelum diserbu pihak berkuasa.

Pendedahan secara bersiri itu mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang meyakini ada elemen sogokan menyebabkan kegiatan sudah berdekad-dekad itu tidak selesai, dan ia turut diperakui SPRM.

Susulan itu, SPRM menahan tiga penjawat awam termasuk seorang Timbalan Pengarah dalam satu operasi khas kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan daripada premis urut dan pelacuran berkenaan.